

Mesyuarat Menteri Pengajian Tinggi Bersama Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti IPTA Malaysia



5 April 2007

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menerima kunjungan daripada Y.B. Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Dato' Mustapa Mohamed pada 15 April 2007 sempena Mesyuarat Y.B. Menteri Pengajian Tinggi Bersama Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) IPTA Malaysia Kali 1/2007.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Y. B. Dato' Mustapa itu turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Y. Bhg. Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan, Ketua

Pengarah Jabatan Pengurusan IPT, Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Hassan Said, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pengajian Tinggi dan Pengerusi-pengerusi LPU atau wakil daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seluruh Malaysia.

Sebelum mesyuarat bersidang, Y. Bhg. Naib Canselor UniMAP, Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin telah menyampaikan sedikit taklimat kepada semua ahli mesyuarat berkenaan pembangunan kampus dan perkembangan akademik dan penyelidikan di UniMAP sepanjang penubuhannya.

Sebagai meraikan kehadiran semua ahli mesyuarat, UniMAP turut menganjurkan Kejohanan Golf Persahabatan yang berlangsung di Kelab Golf Putra, Sungai Batu Pahat pada sebelah pagi tarikh berkenaan.